

07 JUN 1999

MAHATHIR-CLOB

CLOB KEKAL SEBAGAI ISU BERASINGAN

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan sekali lagi bahawa isu Central Limit Order Book (CLOB) kekal sebagai satu isu berasingan daripada isu-isu lain yang belum diselesaikan membabitkan hubungan antara Malaysia dan Singapura.

"Kita telah bersetuju bahawa CLOB adalah satu isu yang berasingan. Hanya masalah bekalan air ke Singapura dan jalan keretapi menjadi isu kerajaan," tambahnya.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Goh Chok Tong pada hujung minggu lalu, bahawa isu CLOB tidak harus dikesampingkan daripada isu-isu lain yang masih belum di selesaikan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata: "Isu CLOB tidak dimulakan oleh kerajaan (Malaysia). Kita tidak pernah terbabit dan bertanggungjawab dalam isu itu.

"Kita tidak nampak mengapa kita perlu bertanggungjawab terhadap isu itu sekarang," katanya kepada pemberita selepas perasmian mesyuarat tahunan ke-46 Parti Progresif Penduduk (PPP), di sini.

Goh dipetik sebagai berkata: "Anda tidak boleh hanya menyelesaikan isu (dua hala) sebagai pakej dan meninggalkan CLOB tergantung begitu sahaja. Anda boleh mempunyai dua laluan tetapi titik penamatnya mestilah sama."

Goh dan menteri-menteri kerajaan Singapura lain menyatakan isu CLOB pada awalnya dimasukkan dalam agenda bagi perbincangan dua hala tetapi kemudiannya diketepikan atas permintaan Dr Mahathir.

Singapura dan Malaysia telah mengadakan tiga mesyuarat untuk membincangkan pakej isu-isu yang masih belum diselesaikan antara kedua-dua negara termasuk bekalan air ke Singapura dan perpindahan kemudahan Kastam dan Imigresen Malaysia.

Apabila ditanya sama ada benar Malaysia memberitahu Singapura supaya mencari sumber alternatif bagi bekalan air selepas perjanjian 2060 berakhir, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak menyatakan demikian. Kita masih berunding dengan mereka dan bersedia membekalkan air kepada mereka dengan syarat kita memperolehi keuntungan daripadanya."

Beliau menambah Malaysia menjual air mentah ke Singapura dengan harga tiga sen bagi 1,000 gelen dan membeli balik air dirawat pada 50 sen bagi 1,000 gelen.

"Malahan pada hakikatnya mereka sebenarnya tidak membayar apa-apa. Mereka mengambil air dirawat dan menjualnya kepada kita dan mengambil wang. Kita bukanlah merungut...tetapi kita hanya menyatakan menjelang tahun 2060, bekalan air mentah mesti dihentikan dan selepas itu, kita akan membekalkan mereka dengan air dirawat. Ia adalah satu perkara yang adil," kata Dr Mahathir. Perdana Menteri berkata perjanjian bekalan air ketika ini dibuat oleh British ketika zaman mereka (British) dan ia lebih menguntungkan kepada Singapura.

"Kita kini adalah negara yang merdeka, anda tidak boleh mengharap kita mengambil wang dan membayar kepada mereka agar mereka boleh membayar kita tiga sen. Kita membayar 50 sen kemudiannya mereka bayar balik tiga sen kepada kita," kata Dr Mahathir.

"Kita tidak boleh berterusan begitu (jual air pada harga tiga sen), kita akan membekalkan mereka air, kita tidak mahu mengepikan mereka, tetapi kita akan membekalkan mereka dengan air yang dirawat sehinggalah perjanjian itu tamat kelak," katanya.

Beliau menyatakan harga air mentah pada tiga sen bagi 1,000 gelen itu

tidak pernah meningkat sejak ia mula berkuatkuasa, sambil menambah "setiap kali kita mahu meningkatkan harga itu, mereka akan meningkatkan kos air dirawat,".

--BERNAMA

AA ZK